

Tajuk : Larian amal UNIMAS

Larian amal UNIMAS

Persatuan Pegawai Akademik Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) mengumpul dana menerusi acara larian amal untuk Persatuan bagi Kebajikan Kanak-kanak Terencat Akal (PERKATA).

Larian awal pagi itu disertai 605 peserta selepas sesi memanas badan yang dikendalikan penganjur bersama iaitu Persatuan Pelajar Fakulti Sains dan Teknologi UNIMAS.

Sebanyak 27 hadiah disediakan untuk larian amal itu iaitu 14 kategori lelaki dan 13 wanita.

Presiden PPAU, Prof Madya Dr Ting Su Hie, berkata ku-

tipan dana itu mencecah RM7,400 daripada pendaftaran peserta.

Katanya, semua kutipan derma itu akan diberikan kepada PERKATA dan penganjur acara larian itu ditanggung pihaknya.

"Penyertaan larian amal tahun ini di luar jangkaan dan menjadi landasan mengeratkan hubungan antara penyarah serta pelajar universiti ini.

"Acara ini juga ialah usaha menjadikan ahli akademik lebih dekat dengan masyarakat selain mampu membantu mempromosi pengajian di

UNIMAS," katanya.

Persatuan itu kini mempunyai 400 ahli mewakili dua pertiga jumlah keseluruhan ahli akademik di universiti itu dan menjadi sebahagian daripada Majlis Ahli Akademik Malaysia.

Su Hie berkata, rentetan kejayaan larian amal tahun ini, pihaknya merancang mengadakan program sama pada tahun depan dengan sasaran lebih banyak penyertaan dalam kalangan pelajar dan kakitangan UNIMAS.

Katanya, orang ramai yang berminat untuk menghulurkan derma kepada PERKATA boleh menghubunginya di talian 019-8591808 atau e-mel shting@cls.unimas.my



Peserta larian amal UNIMAS bersemangat ketika memulakan larian.